



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PENGIMPORAN DAGING KHINZIR
DARI NEGARA BRAZIL DAN THAILAND

PUTRAJAYA, 6 FEBRUARI 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa cakna terhadap kecukupan bekalan daging khinzir bagi menampung keperluan tempatan semasa musim perayaan Tahun Baru Cina. Kementerian dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah meluluskan pengimportan daging khinzir dari negara Thailand dan negara Brazil sebagai langkah untuk menampung keperluan bekalan daging khinzir di pasaran tempatan semasa musim perayaan tersebut.

Sehubungan itu, para pengimport tempatan boleh merujuk kepada laman sesawang rasmi DVS iaitu <https://www.dvs.gov.my/> bagi mendapatkan senarai abatoir yang diluluskan di negara Brazil (3 abatoir) dan negara Thailand (4 abatoir) bagi tujuan pengimportan daging tersebut.

Bagi memastikan rantaian bekalan makanan yang diimport kekal selamat serta mengurangkan risiko penularan penyakit dalam negara, maka semua daging khinzir yang diimport adalah tertakluk kepada pematuhan kawalan keselamatan makanan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) kesihatan veterinar yang telah ditetapkan. Melalui pelaksanaan langkah strategik ini, Kementerian kekal komited dalam memperkukuh keterjaminan bekalan makanan negara serta melindungi kepentingan pengguna secara berterusan.

Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

